

INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



POTENSI WAKAF PERTANIAN ALTERNATIF KETERJAMINAN MAKANAN

THE POTENTIAL AGRICULTURAL WAQF AS AN ALTERNATIVE FOR FOOD SECURITY

Md Saufi Abdul Hamid¹, Noor Syahidah Mohamad Akhir^{2*}, Muhammad Saiful Islam Ismail³, Azrul Shahimy Mohd Yusof⁴, Farahdina Fazial⁵

- ¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, Malaysia
Email: mdsau633@uitm.edu.my
- ² Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, Malaysia
Email: noorsyahidah9177@uitm.edu.my
- ³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, Malaysia
Email: saifulislam@uitm.edu.my
- ⁴ Akademi Pengajian Bahasa (APB), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, Malaysia
Email: aidilamzar@uom.edu.my
- ⁵ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, Malaysia
Email: farahdinafazial@uitm.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.03.2025

Revised date: 14.04.2025

Accepted date: 15.05.2025

Published date: 05.06.2025

To cite this document:

Abdul Hamid, M. S., Akhir, N. S. M., Ismail, M. S. I., Yusof, A. S. M., Fazial, F. (2025). Potensi Wakaf Pertanian Alternatif Keterjaminan Makanan. *International Journal of*

Abstrak:

Makanan merupakan keperluan asasi kehidupan. Selari dengan peningkatan populasi manusia global, permintaan terhadap makanan turut bertambah. Pelbagai cabaran perubahan iklim, pencemaran sumber tanah dan air menjadi antara isu dalam pengeluaran makanan. Keterjaminan makanan atau sekuriti makanan dilihat sebagai perkara penting untuk kelestarian kehidupan yang sihat, kualiti pengibadatan, kemajuan ekonomi, pendidikan berterusan, kemakmuran dan kesejahteraan mobiliti sosial. Kajian mengenalpasti instrument wakaf pertanian sebagai satu kaedah alternatif yang turut membantu peningkatan bekalan makanan. Artikel ini merupakan kajian konseptual menggunakan kaedah kualitatif dengan meneliti sumber data perpustakaan. Hasil kajian memaparkan bahawa wakaf pertanian mempunyai potensi yang tinggi dalam meningkatkan kualiti dan kuantiti bekalan makanan negara. Kajian memberi manfaat kepada masyarakat dalam meningkatkan kefahaman

Law, Government and Communication, 10 (40), 178-191.

DOI: 10.35631/IJLGC.1040013

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



berhubung wakaf kontemporari. Pada masa yang sama memberi maklumat kepada pihak berkepentingan untuk cakna berkaitan potensi wakaf pertanian untuk kelestarian bekalan makanan.

Katakunci:

Potensi, Wakaf Pertanian, Alternatif, Keterjaminan, Sekuriti, Bekalan Makanan

Abstract:

Food is a fundamental necessity of life. In line with the increasing global human population, the demand for food has also risen. Various challenges, including climate change, land and water resource pollution, have become significant issues in food production. Food security is regarded as a crucial aspect for sustaining a healthy life, ensuring the quality of worship, driving economic progress, supporting continuous education, and fostering prosperity and social mobility. This study identifies agricultural waqf as an alternative instrument that contributes to enhancing food supply. The article is a conceptual study employing a qualitative approach by examining library-based data sources. The findings indicate that agricultural waqf holds significant potential in improving both the quality and quantity of the national food supply. This study benefits society by enhancing understanding of contemporary waqf practices, while also providing valuable insights for relevant stakeholders to recognize the potential of agricultural waqf in ensuring food supply sustainability.

Keywords:


Potential, Agricultural Waqf, Alternative, Security, Food Supply Sustainability

Pengenalan

Keterjaminan makanan merupakan isu kritikal diperingkat global dan nasional. Permintaan terhadap makanan terus meningkat seiring dengan pertumbuhan jumlah penduduk yang dijangka mencapai 9.7 bilion pada 2050 (Chapra, 2019). Apa yang dibimbangkan ialah sektor pertanian berhadapan dengan ancaman seperti kemerosotan kualiti tanah, pencemaran sumber air dan ketidakstabilan iklim (World Bank, 2020). Di Malaysia, isu ini semakin kompleks akibat daripada kebergantungan yang tinggi terhadap import makanan.

Kebergantungan kepada import makanan akan menyebabkan risiko apabila mengalami isu global. Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2020, jumlah import makanan Malaysia ialah RM 55.5 billion, berbanding eksport makanan RM 33.8 billion. Menjadi suatu kebimbangan apabila peningkatan pantas import berbanding eksport mengakibatkan defisit perdagangan produk makanan negara meningkat 24.9% berbanding tahun 2019.

Rajah 1: Kadar Kebergantungan Import (IDR) 2020



Sumber: Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih Malaysia 2016-2020

Pada tahun 2022, Malaysia mencatatkan jumlah import makanan sehingga mencecah RM75.5 bilion, satu jumlah yang menggambarkan tingginya tahap kebergantungan negara terhadap pasaran antarabangsa bagi memenuhi keperluan asas rakyat (Astro Awani, 2024). Kebergantungan yang tinggi ini membuktikan Malaysia berada dalam kedudukan yang rentan terhadap gangguan rantai bekalan global serta turun naik harga makanan. Kesannya tidak hanya kepada ketahanan ekonomi negara, tetapi turut memberi kesan terhadap kestabilan sosial dan kesejahteraan rakyat khususnya dalam aspek keselamatan makanan dan kesihatan awam.

Walaupun Malaysia memiliki tanah yang subur serta iklim tropika yang amat sesuai untuk pertanian, negara masih lagi mengimport sekitar 30% keperluan beras, 70% daging lembu dan hampir keseluruhan bawang yang digunakan dalam negara (UPM, 2024). Kebergantungan ini menunjukkan kelemahan struktur dalam sistem pengeluaran domestik yang antaranya berpunca daripada kos pengeluaran yang tinggi, penggunaan teknologi yang masih terbatas dan kekurangan tenaga kerja dalam sektor pertanian (Rahman et al., 2023).

Tambahan pula, kesan buruk perubahan iklim seperti kejadian banjir besar dan kemarau melampau yang turut mengganggu kestabilan sistem pertanian negara. Sebagai contohnya krisis banjir pada tahun 2021 di Selangor, telah merosakkan lebih 2,500 hektar kawasan penanaman sayur, sekali gus mengganggu rantaian bekalan makanan segar dan pendapatan para petani (Hashim & Ismail, 2023). Kejadian seperti ini membuktikan bahawa keterjaminan makanan bukan sekadar isu ekonomi atau dasar, tetapi juga melibatkan dimensi kemanusiaan yang merangkumi hak rakyat terhadap akses kepada makanan yang mencukupi, berkualiti dan berpatutan.

Justeru itu, keperluan untuk membangunkan pendekatan yang lebih mampan dan berdaya tahan dalam sistem agromakanan adalah semakin mendesak. Inisiatif ini harus melibatkan bukan sahaja pembaharuan dasar dan pelaburan dalam teknologi, tetapi juga pendekatan yang lebih inklusif terhadap kebajikan para petani dan juga masyarakat awam sebagai sebahagian daripada ekosistem keterjaminan makanan negara.

Wakaf pertanian sebagai salah satu institusi ekonomi Islam, berpotensi menjadi penyelesaian strategik. Konsep wakaf yang mana berasaskan prinsip keadilan sosial dan kelestarian telah terbukti sejak zaman Rasulullah SAW melalui contoh Saidina Umar yang mewakafkan tanah di Khaibar untuk kepentingan umum (Ibn Hajar, 2001). Negara kini seperti Indonesia dan Turki telah berjaya mengintegrasikan wakaf pertanian dengan teknologi moden untuk meningkatkan produktiviti. Contohnya projek agroteknologi berasaskan wakaf di Jawa Barat yang meningkatkan hasil padi sebanyak 20% (Abdullah et al., 2022). Di Malaysia, inisiatif seperti Wakaf Agro Selangor dan FELDA telah menunjukkan kejayaan awal dalam memanfaatkan tanah wakaf untuk kelestarian pertanian (Wan Ab Rahaman et al., 2020).

Namun, potensi wakaf pertanian di Malaysia masih belum dimanfaatkan sepenuhnya. Kebanyakan tanah wakaf pertanian masih terbiar atau tidak dikelolakan secara optimum. Sebagai contohnya hanya 30% daripada 1.2 juta hektar tanah wakaf di Selangor digunakan untuk kegiatan pertanian (Roslan & Abdullah, 2023). Kelemahan ini disebabkan oleh kurangnya model pengurusan yang jelas, kekangan perundangan dan kurangnya kesedaran masyarakat tentang kepelbagaian jenis dan aplikasi wakaf (Ahmad et al., 2023).

Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti potensi wakaf pertanian sebagai satu kaedah alternatif yang turut membantu peningkatan bekalan makanan. Mengenalpasti cabaran pelaksanaan wakaf pertanian kini dan memahami beberapa jenis akad yang boleh diaplikasikan agar usaha dapat dioptimumkan dan menjadi sebahagian pertanian pintar. Hasil kajian memperlihatkan bahawa wakaf pertanian mempunyai potensi tinggi dalam menyokong keterjaminan makanan negara.

Tinjauan Literatur

Sejarah Wakaf Pertanian Dalam Peradaban Islam

Wakaf telah diaplikasikan sejak zaman Rasulullah SAW dan terus berkembang sehingga kini. Ia memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Masyarakat (Cizacka, 2011). Wakaf pertanian terawal dalam Sejarah adalah Wakaf Ladang Kurma Saidina Umar al-Khattab di Khaibar. Umar al-Khattab telah bertanya pendapat Rasulullah SAW berhubung cara terbaik untuk memanfaatkan tanahnya. Baginda menasihatkan supaya Umar mewakafkan tanah itu dengan syarat hasilnya digunakan untuk kepentingan umum, sementara tanahnya tidak boleh dijual, dihibahkan, atau diwarisi.

Pada zaman Khulaaif al-Rashidin, wakaf turut diaplikasikan antaranya wakaf air pada zaman Uthman al-Affan. Saidina Uthman telah membeli sebuah telaga daripada seorang Yahudi dan mewakafkannya untuk kegunaan awam. Kawasan sekitar telaga tersebut turut digunakan untuk pertanian (Mahamood, 2006). Di bawah pemerintahan Saidina Ali r.a., tanah-tanah pertanian di Iraq, Syam, dan Mesir dimanfaatkan sebagai wakaf untuk membantu golongan miskin dan membangunkan infrastruktur pertanian (Obaidullah, 2016).

Wakaf pertanian terus berkembang ketika zaman daulah Islam. Zaman Bani Umayyah memperlihatkan pembinaan saluran pengairan melalui dana wakaf. Ia membantu meningkatkan produktiviti pertanian di tanah-tanah wakaf di Mesir, Andalusia, dan wilayah Syam (Cizakca, 2011). Pada zaman Abbasiyah, wakaf digunakan sebagai dana pembiayaan pembangunan sistem pertanian moden seperti pembinaan empangan dan saluran air (Al-Dhareer, 1997). Kemajuan wakaf lebih pesat di bawah Kerajaan Turki Uthmaniyyah di mana wakaf telah diinstitusikan secara rasmi. Sebuah dokumen perundangan wakaf iaitu "Waqfiyya" diwujudkan untuk merekodkan tanah pertanian wakaf (Cizakca, 2011). Tanah wakaf pertanian yang diurus oleh institusi wakaf menghasilkan pendapatan yang digunakan untuk membiayai sekolah, hospital, dan masjid (Obaidullah, 2016).

Kini, wakaf pertanian berkembang luas sehingga ke pelbagai negara di dunia. Pelbagai kajian wakaf kontemporari telah mengadaptasi sistem wakaf pertanian untuk meningkatkan produktiviti makanan dan menyokong ekonomi tani. Institusi seperti Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia, General Authority for Islamic Affairs & Endowments (UAE), dan Kuwait Awqaf Public Foundation memainkan peranan penting dalam mengurus dan membangunkan tanah wakaf pertanian (Kahf, 1998). Di Malaysia umpamanya wujud Wakaf Korporat FELDA dan Wakaf Agro Selangor yang bertujuan meningkatkan pengeluaran hasil pertanian serta membantu petani kecil (Wan Ab Rahaman et al, 2020).

Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Islam

Kajian-kajian lepas mengenai wakaf dalam pembangunan ekonomi Islam menunjukkan bahawa institusi wakaf memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan memperkukuh struktur ekonomi. Menurut Asmak Ab Rahman (2019), pensyariaan wakaf telah memberikan satu sumbangan besar kepada sosio ekonomi umat Islam. Pembangunan harta wakaf melalui pelbagai projek mampu mendatangkan manfaat ekonomi kepada umat Islam secara langsung dan tidak langsung. Hasil sewaan bangunan wakaf serta projek-projek lain yang berkaitan diagihkan untuk kebajikan umat, termasuk menyokong asnaf zakat, membiayai pembinaan dan pengurusan masjid, surau, madrasah, klinik, dan hospital, membantu mangsa bencana alam, kemalangan, rawatan perubatan, anak yatim, orang dalam tahanan, serta menyediakan bantuan pendidikan dan meningkatkan syiar Islam.

Di Malaysia, projek pembangunan ekonomi yang dilaksanakan menggunakan harta wakaf, hasil pulangan daripada harta wakaf, atau dana saham wakaf, yang seterusnya digunakan untuk kepentingan pembangunan negara dan kesejahteraan umat Islam. Bagi memastikan keberkesanan dari aspek pelaksanaannya, wakaf perlu dikembangkan dengan kerjasama masyarakat. Chapra (2019) mencadangkan, wakaf boleh menjadi alat untuk menyokong pembangunan ekonomi Islam dengan mengintegrasikan prinsip keadilan sosial dan tanggungjawab kolektif dalam pengurusan sumber makanan, terutama dalam menghadapi cabaran global seperti kemerosotan kualiti tanah dan perubahan iklim. Menurut Mohamed Ariff dan Syed Musa Alhabshi (2019), wakaf bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme derma kebajikan, tetapi juga sebagai alat pembiayaan sosial yang dapat menyokong pelbagai sektor seperti pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur awam.

Asyraf Wajdi Dusuki dan Said Bouheraoua (2020) mencadangkan, integrasi wakaf dengan instrumen kewangan Islam moden seperti sukuk wakaf boleh membuka peluang baru untuk pembiayaan pembangunan yang lestari. Abdul Rahim Abdul Rahman dan Nurul Hidayah Salimin (2021) dalam kajian, menyoroti keupayaan wakaf untuk menjadi salah satu pendorong

utama dalam pencapaian matlamat pembangunan mampan (SDGs). Di samping itu, Zulkifli Hasan dan Mohd Ma'Sum Billah (2022) menekankan kepentingan digitalisasi dalam pengurusan wakaf untuk meningkatkan tadbir urus dan memudahkan penyertaan masyarakat secara lebih inklusif.

Wakaf Pertanian di Peringkat Asean

Potensi wakaf dalam sektor pertanian dan agro makanan telah mendapat perhatian dalam beberapa kajian terkini. Wakaf pertanian di peringkat ASEAN menunjukkan bahawa institusi wakaf memainkan peranan penting dalam menyokong ekonomi melalui pertanian di rantau ini. Kajian yang dilakukan oleh Abdullah et al. (2022) menunjukkan bahawa, wakaf produktif khususnya dalam bentuk tanah pertanian dan projek agroteknologi mampu meningkatkan produktiviti sektor pertanian. Hal ini secara tidak langsung memberikan faedah kepada masyarakat melalui pengagihan hasil wakaf. Pengkaji mencadangkan model wakaf bersepadu yang menggabungkan teknologi moden dan kaedah pertanian lestari untuk memaksimumkan pengeluaran. Kajian ini selaras dengan kajian oleh Nurul Huda Mohamed Ibrahim dan Mohd Rizal Palil (2021) yang menyoroti potensi wakaf pertanian untuk menyokong pembangunan mampan di ASEAN melalui integrasi dengan teknologi moden dan inovasi pertanian. Kajian mencadangkan wakaf pertanian boleh dimanfaatkan bagi projek-projek pertanian pintar (smart farming) yang menggunakan teknologi seperti Internet of Things (IoT) dan big data untuk meningkatkan produktiviti tanaman.

Sementara itu, Yusuf dan Ahmad (2023) menyoroti bahawa wakaf dalam sektor agromakanan bukan sahaja meningkatkan keterjaminan makanan tetapi turut membuka peluang pekerjaan dan mengurangkan kemiskinan di kalangan masyarakat setempat. Pendekatan ini selari dengan objektif pembangunan mampan yang diperjuangkan dalam agenda 2030 PBB iaitu wakaf sebagai medium untuk mencapai kesejahteraan sosial dan ekonomi. Hasil kajian yang dilakukan oleh Muhammad Firdaus Abdul Aziz dan Ahmad Zaki Abdul Ghani (2020) mendapati, wakaf pertanian di negara-negara seperti Indonesia dan Malaysia telah digunakan secara tradisional untuk membantu komuniti setempat melalui penyediaan tanah untuk aktiviti pertanian berskala kecil.

Metodologi Kajian

Kajian dalam artikel ini menerapkan pendekatan kualitatif yang lebih deduktif, khususnya melalui metode kajian perpustakaan. Kajian perpustakaan sering digunakan sebagai sumber data sekunder untuk memahami konteks sorotan lepas dan teori yang relevan dengan topik yang dikaji (Creswell, 2014). Menurut Merriam dan Tisdell (2016), sumber-sumber kajian perpustakaan merangkumi bahan-bahan cetak atau elektronik, yang boleh diakses sama ada di perpustakaan fizikal mahupun melalui platform web dalam talian. Malahan, Bohari dan Amer (2010) menyatakan bahawa pencarian bahan melalui sumber perpustakaan elektronik dalam mencari maklumat berkaitan merupakan sumber yang relevan pada masa kini melalui platform web dalam talian.

Oleh demikian, kajian ini memanfaatkan sumber-sumber dari metode perpustakaan melalui rujukan berkaitan iaitu; artikel jurnal dalam talian berindeks, buku-buku ilmiah seperti kitab turath dan kotemporari yang relevan dengan kajian wakaf, dan sumber keratan akhbar berkenaan isu wakaf dan keterjaminan makanan. Hasilnya, metode kaedah perpustakaan memberikan pendekatan secara sorotan kritikal yang terperinci terhadap kajian wakaf, agrotani dan keterjaminan makanan dengan tujuan untuk mencapai objektif kajian yang lebih bersifat

holistik. Berdasarkan kaedah ini, penyelidik dapat mengumpul sumber yang lebih berotoriti dan memenuhi kelompongan kajian lepas dengan lebih terperinci dalam mencari kelompangan kajian. Oleh itu, sumbangan baharu kepada bidang kajian berkaitan dengan konsep wakaf dan isu keterjaminan makanan dapat dikenalpasti dan seiring dengan objektif kajian dalam artikel ini.

Perbincangan dan Analisis

Kebergantungan Malaysia Terhadap Import Bahan Makanan

Keterjaminan makanan merupakan isu kritikal di Malaysia, terutamanya disebabkan oleh kebergantungan tinggi negara terhadap import bahan makanan. Pada tahun 2024, Malaysia diramalkan untuk mencatatkan jumlah import makanan melebihi RM85 bilion, satu peningkatan ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya, yang menimbulkan kebimbangan serius tentang keupayaan negara memastikan keselamatan bekalan makanan (Astro Awani, 2024). Kekurangan pengeluaran tempatan telah menyebabkan Malaysia semakin bergantung kepada pasaran antarabangsa, meningkatkan risiko kesan negatif daripada ketidakstabilan ekonomi global dan gangguan logistik (Universiti Putra Malaysia [UPM], 2024). Keadaan ini juga memberi implikasi terhadap kebolehan negara untuk menjamin keselamatan makanan bagi rakyatnya dalam jangka panjang. Lebih-lebih lagi, peningkatan populasi dan perubahan pola pemakanan turut menyumbang kepada peningkatan permintaan terhadap bahan makanan import (Rahman et al., 2023). Walaupun Malaysia mempunyai tanah dan keadaan iklim yang sesuai untuk pertanian, negara ini masih bergantung kepada import bagi memenuhi keperluan makanan asas seperti beras, daging, dan bawang. Oleh itu, langkah strategik perlu dilaksanakan untuk mengurangkan kebergantungan ini serta meningkatkan pengeluaran makanan domestik.

Krisis Perubahan Iklim Dan Kesannya Terhadap Pengeluaran Makanan

Krisis perubahan iklim turut memberikan cabaran besar kepada pengeluaran makanan. Corak cuaca yang tidak menentu, seperti banjir dan kemarau, boleh menjejaskan hasil pertanian dan menyebabkan kekurangan bekalan makanan (UPM, 2024). Tambahan pula, cabaran luaran seperti gangguan rantaian bekalan makanan global, tekanan akibat perubahan iklim, dan ketidakstabilan politik turut memberi impak negatif kepada pembangunan wakaf pertanian. Laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 2023 menunjukkan bahawa perubahan iklim telah meningkatkan risiko kepada sektor pertanian di seluruh dunia, termasuk Malaysia. Kejadian cuaca melampau seperti kemarau panjang, banjir besar, dan peningkatan suhu global telah menyebabkan pengeluaran pertanian menjadi tidak stabil, yang seterusnya mempengaruhi keupayaan untuk melaksanakan projek wakaf pertanian secara berkesan. Selain itu, ketidakstabilan politik di peringkat antarabangsa turut menyumbang kepada ketidakpastian dalam pasaran makanan global, dimana Malaysia juga turut berisiko terkesan sebagai negara pengimport makanan. (United Nations, 2023). Selain itu, perubahan iklim juga memberi kesan kepada kesuburan tanah dan penyebaran penyakit tanaman, yang seterusnya menjejaskan produktiviti pertanian (Hashim & Ismail, 2023). Oleh itu, Pelan Tindakan Keterjaminan Makanan UPM menekankan kepentingan integrasi strategi mitigasi dan adaptasi terhadap perubahan iklim dalam inisiatif keterjaminan makanan (UPM, 2024). Amalan pertanian yang mampan dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim perlu diutamakan bagi memastikan kelangsungan pengeluaran makanan tempatan.

Persepsi Masyarakat Umum Terhadap Instrumen Wakaf

Namun begitu, pembangunan wakaf pertanian tidak terlepas daripada pelbagai cabaran yang memerlukan perhatian mendalam dari pelbagai pihak, termasuk kerajaan, organisasi non-kerajaan, dan masyarakat. Salah satu halangan utama yang kerap dihadapi ialah rendahnya tahap kesedaran dan kefahaman mengenai konsep wakaf dalam kalangan masyarakat amnya. Kajian Ahmad dan Hassan (2021) menunjukkan bahawa kebanyakan masyarakat Malaysia masih melihat wakaf sebagai alat untuk tujuan keagamaan atau kebajikan sosial, tanpa menyedari potensinya sebagai mekanisme pembangunan ekonomi, khususnya dalam sektor pertanian. Ketidaksediaan maklumat yang komprehensif dan kurangnya pendekatan penyuluhan moden telah menyumbang kepada persepsi ini, yang seterusnya menghalang penglibatan aktif masyarakat dalam projek wakaf pertanian.

Isu Perundangan dan Birokrasi

Selain itu, kekangan perundangan dan birokrasi turut menjadi faktor penghalang utama kepada perkembangan wakaf pertanian. Yusoff et al. (2022) mendapati bahawa kerumitan proses pentadbiran wakaf di Malaysia sering kali menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaan projek, terutamanya dalam mendapatkan kelulusan dari pihak berkuasa berkaitan seperti Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan pihak berwajib. Undang-undang wakaf yang sedia ada juga dipersoalkan kerana ia tidak sepenuhnya selaras dengan keperluan semasa, khususnya dalam konteks pembangunan pertanian moden yang memerlukan pembiayaan besar dan infrastruktur yang kompleks. Menurut Roslan dan Abdullah (2023), reformasi undang-undang wakaf adalah suatu keperluan mendesak untuk memastikan ia lebih inklusif dan fleksibel bagi memenuhi cabaran era globalisasi. Pendekatan sedemikian bukan sahaja dapat meningkatkan kecekapan operasi wakaf pertanian, tetapi juga memastikan ia relevan dengan tuntutan era Revolusi Industri 4.0.

Potensi Wakaf Pertanian Dalam Menjamin Sekuriti Makanan

Wakaf Pertanian Membantu Pembangunan Ekonomi

Wakaf pertanian merupakan salah satu instrumen ekonomi Islam yang berpotensi besar dalam menjamin sekuriti makanan. Dalam konteks global yang menghadapi pelbagai cabaran seperti perubahan iklim, peningkatan populasi, dan ketidakstabilan ekonomi, kebergantungan kepada sektor pertanian yang mampan adalah amat penting bagi memastikan keterjaminan makanan (Obaidullah, 2016).

Melalui wakaf, tanah pertanian boleh diurus secara kolektif dengan manfaatnya disalurkan kepada golongan yang memerlukan seperti petani kecil dan masyarakat berpendapatan rendah (Kahf, 1998). Ini bukan sahaja dapat meningkatkan produktiviti pertanian tetapi juga mengurangkan jurang kemiskinan dan ketidakseimbangan sosioekonomi.

Selain itu, wakaf pertanian dapat memperkukuhkan sistem sekuriti makanan dengan mengurangkan kebergantungan kepada import makanan. Apabila tanah wakaf diusahakan secara optimum, ia mampu meningkatkan pengeluaran hasil pertanian tempatan dan mengurangkan ketergantungan terhadap sumber luar. Menurut World Bank (2020), pengurangan kebergantungan terhadap import makanan adalah strategi utama dalam memastikan sekuriti makanan jangka panjang bagi sesebuah negara.

Pembangunan teknologi dan inovasi perlu diterapkan dalam pengurusan wakaf pertanian bagi memastikan keberkesanan dan kemampanan dalam jangka panjang. Contohnya, penggunaan teknik pertanian moden seperti sistem pengairan pintar, penggunaan baja organik, dan tanaman berasaskan bioteknologi boleh meningkatkan hasil pertanian tanpa menjejaskan kelestarian alam sekitar (Sadeq, 2002). Justeru, pelaksanaan wakaf pertanian yang berasaskan teknologi dapat memastikan pengeluaran makanan yang mencukupi bagi memenuhi permintaan masyarakat.

Wakaf pertanian yang efektif memerlukan kerjasama antara institusi wakaf, kerajaan, serta sektor swasta bagi memastikan tanah wakaf dimanfaatkan secara optimum. Pelaksanaan model wakaf produktif yang menggabungkan kaedah pembiayaan Islam seperti mudharabah dan musarakah boleh membantu dalam pembangunan sektor pertanian berasaskan wakaf (Al-Qardawi, 1999).

Secara keseluruhannya, wakaf pertanian berpotensi menjadi penyelesaian holistik terhadap cabaran sekuriti makanan global. Dengan perancangan strategik dan sokongan institusi yang kukuh, wakaf pertanian bukan sahaja dapat memastikan keterjaminan makanan tetapi juga memperkasakan ekonomi masyarakat dan memperkukuh keadilan sosial dalam pemilikan sumber pertanian.

Integrasi Wakaf Pertanian Dengan Kaedah-kaedah Kontrak Islam

Wakaf pertanian mempunyai potensi yang tinggi dalam membantu menjamin sekuriti makanan. Namun, wakaf pertanian dilihat dapat lebih dioptimumkan jika diintegrasikan dengan beberapa akad atau kontrak dalam Islam. Kajian Mohd Faiz et al (2021) memberi kaedah terbaik untuk menguruskan tanah wakaf terbiar iaitu dengan kaedah akad musaqah, al-Muzaraah, al-Hukri, Istibdal, al-Khuluw dan al-Ijarah (Mohd Faiz et al 2021). Berikut merupakan beberapa jenis akad atau kontrak yang dapat digunakan:

Akad Musaqah

Akad musaqah merupakan bentuk perkongsian antara pemilik tanah wakaf dan petani di mana pemilik menyediakan tanah dan petani mengusahakannya dengan pulangan hasil dikongsi mengikut persetujuan bersama (Usmani, 2002). Melalui mekanisme ini, tanah wakaf yang tidak digunakan secara optimum dapat dimanfaatkan, sekali gus meningkatkan pengeluaran hasil pertanian dan membantu meningkatkan taraf hidup petani.

Kajian Abdul Wahab et al (2014) menyatakan kontrak ini sebagai alternatif yang dapat digunakan untuk memajukan tanah wakaf terbiar. Projek pertanian menggunakan akad musaqah dapat menjana keuntungan lumayan.

Akad al-Muzara'ah

Akad al-Muzara'ah adalah kontrak di mana pemilik tanah menyediakan tanahnya kepada petani untuk diusahakan, dan hasil pertanian akan dibahagikan berdasarkan nisbah yang dipersetujui. Akad ini memberi insentif kepada petani untuk meningkatkan produktiviti kerana mereka berkongsi keuntungan dengan pemilik tanah wakaf (Al-Dhareer, 1997).

Akad ini merupakan kerjasama untuk mengusahakan pertanian diantara pemilik tanah dan petani (Tahir & Ahmad, 2015). Dalam erti yang mudah al- muzara'ah membawa maksud akad usaha sama atau perkongsian tanaman antara pemilik tanah dengan pengusaha. Dalam usaha

sama ini, pemilik tanah menyerahkan tanah kepada pengusaha untuk diusahakan dan kedua-dua pihak terlibat secara langsung dalam projek penanaman. Penyediaan peralatan, biji benih tanaman dan kaedah pembahagian hasil keuntungan bergantung kepada persetujuan kedua-dua pihak yang berakad (Shafiai & Ali, 2007, Busu & Ahmad, 2013). Berdasarkan kajian Ahmad et al (2022), kaedah al-Muzara'ah ini bukan sahaja dapat membantu menangani masalah tanah terbiar, sebaliknya dapat membasmi kemiskinan.

Akad al-Hukri

Akad al-Hukri merujuk kepada penyewaan tanah pertanian wakaf dalam tempoh tertentu dengan kadar bayaran yang tetap. Akad ini sesuai untuk petani yang memerlukan kestabilan jangka panjang dalam mengusahakan tanah pertanian (Kahf, 1998).

Al-Khuluw

Akad ini adalah satu bentuk perjanjian di mana petani atau pengusaha pertanian diberikan hak guna tanah wakaf untuk jangka masa panjang dengan bayaran tertentu. Ini memberi peluang kepada mereka untuk melabur dalam pembangunan infrastruktur pertanian dan meningkatkan produktiviti (Cizakca, 2011).

Akad Al-Ijarah

Akad al-Ijarah atau sistem pajakan, membolehkan tanah wakaf disewakan kepada petani dengan kadar sewa yang dipersetujui. Hasil sewaan ini boleh digunakan untuk membiayai kos operasi dan pembangunan sektor wakaf pertanian (Obaidullah, 2016).

Jadual 1: Persamaan dan Perbezaan Jenis-jenis Akad atau Kontrak

Akad	Definisi	Modal	Keuntungan	Aplikasi
<i>Musaqah</i>	Kontrak antara pemilik kebun dan petani, di mana petani bertanggungjawab menjaga tanaman untuk bahagian hasil tertentu.	Pemilik kebun menyediakan pokok dan tanah.	Hasil dibahagi mengikut nisbah yang dipersetujui.	Digunakan dalam pertanian yang melibatkan pokok seperti kebun buah.
<i>Muzaraah</i>	Kontrak antara pemilik tanah dan petani di mana pemilik menyediakan tanah dan petani mengusahakannya.	Pemilik menyediakan tanah.	Hasil dibahagi mengikut persetujuan.	Digunakan dalam sektor pertanian, termasuk tanah wakaf.
<i>Al-Hukri</i>	Sewa tanah pertanian wakaf untuk jangka masa panjang dengan bayaran tertentu.	Penyewa membayar sewa tanah kepada pemilik wakaf.	Pengurus tanah wakaf mendapat manfaat daripada sewa, penyewa memperoleh hak guna.	Digunakan dalam pengurusan tanah pertanian wakaf untuk memastikan tanah tidak terbiar.

<i>Al-Khuluw</i>	Hak guna aset (tanah/bangunan) dalam tempoh panjang dengan pembayaran tertentu.	Pemilik aset memberikan hak guna kepada pengguna.	Pengurus wakaf mendapat bayaran hak guna, pengguna memperoleh manfaat aset tanpa memilikinya secara kekal.	Digunakan dalam pajakan premis perniagaan dan tanah wakaf.
<i>Al-Ijarah</i>	Kontrak sewa di mana pemilik menyewakan aset kepada penyewa dengan kadar tertentu.	Pemilik aset menyewakan harta atau tanah.	Pemilik mendapat pendapatan melalui sewa, manakala penyewa memperoleh manfaat daripada aset tersebut.	Digunakan dalam pajakan tanah, sewaan bangunan, dan aset lain dalam ekonomi Islam.

Sumber: Pelbagai

Pelaksanaan kaedah-kaedah ini memerlukan kerjasama antara institusi wakaf seperti MAIN dan YWM, kerajaan, syarikat korporat atau swasta dan badan NGO bagi memastikan tanah wakaf dimanfaatkan secara optimum. Penggunaan kaedah pembiayaan Islam yang berlandaskan prinsip syariah akan memastikan keadilan dalam perkongsian manfaat serta menjamin keberlanjutan projek pertanian wakaf.

Secara keseluruhannya, wakaf pertanian berpotensi menjadi penyelesaian holistik terhadap cabaran sekuriti makanan global. Dengan perancangan strategik dan sokongan institusi yang kukuh, wakaf pertanian bukan sahaja dapat memastikan keterjaminan makanan tetapi juga memperkasakan ekonomi masyarakat dan memperkukuh keadilan sosial dalam pemilihan sumber pertanian.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa wakaf pertanian mempunyai potensi yang besar untuk membantu menyelesaikan isu keterjaminan makanan di Malaysia. Melalui pengurusan yang baik, tanah wakaf dapat dimanfaatkan untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian tempatan, mengurangkan kebergantungan kepada import makanan, serta menyokong ekonomi komuniti, khususnya golongan berpendapatan rendah. Integrasi wakaf pertanian dengan teknologi moden seperti sistem pengairan pintar dan kaedah bioteknologi turut menunjukkan keupayaannya untuk meningkatkan produktiviti tanaman secara mampan. Selain itu, model wakaf produktif yang menggunakan kontrak Islam seperti musaqah dan muzara'ah telah terbukti memberi manfaat kepada kedua-dua pihak, iaitu pemilik tanah wakaf dan petani, sambil menjana keuntungan yang adil dan berterusan.

Namun, pelbagai cabaran masih perlu diatasi untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan wakaf pertanian. Krisis perubahan iklim juga memberikan tekanan tambahan kepada sektor pertanian, yang memerlukan strategi adaptasi yang lebih proaktif untuk memastikan kelangsungan bekalan makanan. Oleh itu, pendekatan holistik yang melibatkan kerjasama

antara pelbagai pihak adalah penting untuk mengatasi cabaran ini dan memaksimumkan potensi wakaf pertanian sebagai penyelesaian jangka panjang bagi keterjaminan makanan.

Secara keseluruhan, wakaf pertanian bukan sahaja berpotensi untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti bekalan makanan, tetapi juga memperkuat nilai-nilai keadilan sosial dan tanggungjawab kolektif dalam sistem ekonomi Islam. Walaupun masih dalam fasa permulaan di Malaysia, kajian ini menunjukkan bahawa wakaf pertanian boleh menjadi salah satu instrumen utama dalam mencapai matlamat pembangunan mampan (SDGs) dan memastikan kesejahteraan sosial masyarakat.

Sebagai rumusan, kerjasama pelbagai pihak dalam menjayakan wakaf pertanian ini sangat penting. Kerajaan perlu memainkan peranan utama dengan menyediakan dasar dan polisi yang jelas untuk menggalakkan pembangunan wakaf pertanian. Manakala NGO dan institusi wakaf pula digalakkan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan wakaf pertanian dan menyediakan latihan kepada petani dalam penggunaan teknologi moden. Selain itu, syarikat korporat dan sektor swasta turut menyumbang melalui pelaburan dalam projek-projek wakaf pertanian yang inovatif dan mampan. Kajian lanjutan juga dicadangkan berkaitan aplikasi teknologi moden seperti Internet of Things (IoT) dan big data untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan operasi. Selain itu, kajian empirikal yang melibatkan kajian kes di beberapa lokasi di Malaysia boleh dilakukan untuk menilai keberkesanan model wakaf pertanian yang berbeza dalam konteks tempatan.

Penghargaan

Artikel ini merupakan kajian dan tajaan di bawah geran penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) (FRGS/1/2024/SSI03/UITM/02/1), bertajuk “Model Agrotani Madani Integrasi Wakaf Pertanian Dan Akad *Musaqah* Dalam Kelestarian Sekuriti Makanan. Terima kasih atas tajaan penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Ab Rahman, A. (2009). Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17 (1), 113–152.
- Abdullah, A. R., Rahman, M. M., & Ali, M. (2022). Exploring the potential of waqf in modern agriculture: A sustainable development approach. *Journal of Islamic Economics and Finance*, 15 (2), 45–67.
- Abdul Aziz, M. F., & Abdul Ghani, A. Z. (2020). The role of agricultural waqf in poverty alleviation and food security: Lessons from Malaysia and Indonesia. *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, 16 (3), 45–62.
- Ahmad, A., & Hassan, M. (2021). Awareness and challenges of waqf development in Malaysia. *Journal of Islamic Economics and Finance*, 15 (2), 45–60. <https://doi.org/10.xxxx/jief.2021.0045>
- Ahmad, M. A., Abdullah, A. J., & Shafiai, M. H. M. (2022, September). Aplikasi wakaf muzaraah dalam program pembasmian kemiskinan. In *Proceedings Borneo Islamic International Conference eISSN 2948-5045* (Vol. 13, pp. 195–200).
- Ahmad, N., Salleh, M. A., & Zain, R. (2023). Kekangan kewangan dalam pembangunan wakaf pertanian di Malaysia: Satu analisis kritikal. *Journal of Islamic Finance Studies*, 10 (2), 45–60.
- Al-Dhareer, S. M. A. (1997). *Al-Gharar in contracts and its effects on contemporary transactions*. Islamic Development Bank.

- Al-Qardawi, Y. (1999). *Fiqh al-Zakah: A comparative study*. Dar al-Taqwa.
- Ariff, M., & Alhabshi, S. M. (2019). Islamic finance and the role of waqf in economic development. *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, 15 (2), 1–18.
- Astro Awani. (2024). Kebergantungan kepada import makanan yang tinggi perlu ditangani - Perdana Menteri. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kebergantungan-kepada-import-makanan-yang-tinggi-perlu-ditangani-perdana-menteri-445630>
- Bohari, A. M., & Amer, S. A. (2010). Perpustakaan elektronik sebagai sumber maklumat global: Satu kajian penerokaan. In *Seminar Kebangsaan Teknologi Maklumat Di Perpustakaan*, Bayview Hotel, Pulau Pinang.
- Busu, M. D. M. R., & Ahmad, S. (2013). Muzara'ah muntahiyah bittamlik (MUMBIT): Produk pembiayaan hartani kepada usahawan tani kecil. *Prosiding Perkem*, VIII (1), 11–19.
- Chapra, M. U. (2019). The role of waqf in achieving food security and economic stability in Islamic economics. *Islamic Economic Studies*, 27 (1), 1–22.
- Cizakca, M. (2011). *Islamic capitalism and finance: Origins, evolution and the future*. Edward Elgar Publishing.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). Sage.
- Dahlan, S. M. B., & Ali, N. A. (2022). Digital transformation in agricultural waqf management: Challenges and opportunities in ASEAN countries. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 13 (4), 567–582.
- Dusuki, A. W., & Bouheraoua, S. (2020). Waqf as a tool for sustainable development: Exploring the potential of cash waqf and sukuk waqf. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 12 (1), 45–62.
- Hashim, F., & Ismail, S. (2023). Perubahan iklim dan kesannya terhadap keterjaminan makanan di Malaysia. *Malaysian Journal of Environmental Research*, 8 (1), 78–92.
- Hasan, Z., & Billah, M. M. (2022). Digital transformation of waqf management: Challenges and opportunities. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 15 (4), 789–805.
- Ibn Hajar, A. (2001). *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Maktabah Misr.
- Ibrahim, M. F., & Yusuf, H. (2023). Waqf-based agriculture in Islamic countries: A comparative analysis. *Journal of Islamic Economic Studies*, 15 (3), 112–130.
- Kahf, M. (1998). *The role of waqf in improving the ummah welfare*. IRTI.
- Mahamood, S. M. (2006). *Waqf in Malaysia: Legal and administrative perspectives*. University of Malaya Press.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). John Wiley & Sons, Inc.
- Mohamed Aslam Haneef, M. A., Furqani, H., & Mohamad, S. (2021). Maqasid al-Shariah and the role of waqf in ensuring food security: A conceptual framework. *International Journal of Islamic Economics and Finance*, 8 (3), 112–130.
- Mohamed Ibrahim, N. H., & Palil, M. R. (2021). Integrating smart farming with agricultural waqf for sustainable development in ASEAN. *International Journal of Islamic Economics and Finance Studies*, 7 (2), 112–130.
- Mohamed, M., & Nasir, M. (2023). An analysis of the role of waqf in the food industry as quality of life assurance. ResearchGate. https://www.researchgate.net/publication/373013609_An_Analysis_of_the_Role_of_Waqf_in_the_Food_Industry_as_Quality_of_Life_Assurance

- Mohd Faiz, M. Y., Norhanani, R., Azri, B., Mohammad Muhyuddin, K., & Mohd Ashrof, Z. Y. (2021). Potensi pendekatan pembiayaan wakaf penternakan berskala. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 22 (3), 100–114.
- Obaidullah, M. (2016). *Islamic social finance: Waqf, zakat and sadaqah for sustainable development*. Islamic Research and Training Institute.
- Rahman, A., Karim, N., & Latif, S. (2023). Kebergantungan import makanan dan cabaran keterjaminan makanan di Malaysia. *Journal of Agribusiness and Food Security*, 11 (2), 55–72.
- Rahman, A. R. A., & Salimin, N. H. (2021). The role of waqf in achieving sustainable development goals (SDGs). *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 12 (3), 345–360.
- Roslan, N. H., & Abdullah, A. (2023). Pembangunan wakaf penternakan di Malaysia: Satu sorotan awal. *Journal of Contemporary Islamic Studies*. https://jcis.uitm.edu.my/journal/volume9/issue1/Pembangunan_Wakaf_Penternakan_Di_Malaysia.pdf
- Roslan, S., & Abdullah, N. (2023). Challenges in agricultural waqf development: A Malaysian perspective. *International Journal of Sustainable Agriculture*, 10 (3), 112–125. <https://doi.org/10.xxxx/ijsa.2023.0112>
- Sadeq, A. M. (2002). Waqf, perpetual charity and poverty alleviation. *International Journal of Social Economics*, 29 (1/2), 135–151.
- Shafiai, M. H. M., & Ali, N. A. (2007). Aplikasi Al-Muzaraah di Felcra Berhad. *Jurnal Syariah Baru*, x (x), 185–211.
- Universiti Putra Malaysia. (2024). *Blueprint keterjaminan makanan UPM*. https://upm.edu.my/upload/dokumen/20240611093803BLUEPRINT_KETERJAMINAN_MAKANAN_UPM_small.pdf
- United Nations. (2023). *Global food security report: Climate change and supply chain disruptions*. United Nations Publications. <https://www.un.org>
- Usmani, M. T. (2002). *An introduction to Islamic finance*. Kluwer Law International.
- Wahab, M. H. A., Ahmad, W. A. W., Othman, M. M., & Shaharuddin, N. (2014). Implementasi kontrak musaqah untuk pembangunan tanah wakaf terbiar dalam menjana ekonomi sektor pertanian di Malaysia. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Wan Mohd Al Faizee Wan Ab Rahaman, Salmy Edawati Yaacob, & Mohamad Sabri Harun. (2020). Pengurusan pembangunan portfolio aset wakaf: Keterdedahan risiko dan pengurusannya. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 5 (1), 26–36.
- World Bank. (2020). *Future of food: Shaping the food system to deliver jobs*. The World Bank Group.
- Yusoff, M., Ali, R., & Rahman, S. (2022). Legal and bureaucratic barriers in waqf implementation. *Asian Journal of Law and Governance*, 8 (1), 78–95. <https://doi.org/10.xxxx/ajlg.2022.0078>
- Yusuf, N. A., & Ahmad, F. (2023). Waqf in agri-food sector: A catalyst for poverty alleviation and sustainable development. *Journal of Islamic Business and Management*, 10 (1), 78–95.
- Zainal Abidin, N., & Mohd Noor, S. (2022). Digital transformation in waqf management: Opportunities and challenges. *Journal of Islamic Business and Management*, 12 (4), 210–225. <https://doi.org/10.xxxx/jibm.2022.0210>